



CENDERAMATA....Dr Ismail (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Hassan Sani diperhatikan pemain Lavestar dan UMSKAL.

## Lavestar tumpaskan UMSKAL dalam aksi persahabatan

OLEH JAINUDIN DJIMIN  
[jainudin@newsabah-times.com.my](mailto:jainudin@newsabah-times.com.my)

NST 12.4.2013 22  
LABUAN: Pasukan Labuan Veteran Star @ Lavestar berjaya menewaskan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 3-1 pada aksi bola sepak persahabatan di Padang Dataran Labuan, malam Rabu.

Gol-gol pasukan Lavestar dijar-

ingkan Roy Ismail, Majin Basayu dan Ismail Din manakala pensyaroh SPKAL, Sudin Lada menjaringkan gol tunggal UMSKAL.

Turut membarisi pasukan Lavestar ialah bekas penyerang kebangsaan, Hassan Sani, bekas pemain pertahanan Sabah, Junaidi Tuah dan Dul Alias.

Sementara itu, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali yang juga ketua pasukan UMSKAL

berbangga dapat beraksi dengan legenda bola sepak, Hassan Sani yang menjadi ikon bola sepak tanah air.

Katanya, peluang beraksi dengan penyerang lincah yang pernah membawa Malaysia melayangkan diri ke Sukan Olimpik Moscow 1980 merupakan satu penghargaan buat pemain UMSKAL.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata perlawanan

itu diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara UMSKAL dengan pasukan tempatan di Labuan termasuk bekas pemain yang pernah mengharumkan nama Labuan, Sabah dan negara.

"UMSKAL mengalu-alukan pasukan jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan NGO untuk mengadakan perlawanan persahabatan bagi memantapkan lagi pasukan kami," katanya.